

Usahasama kendal urusan kontena

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sela-sa — Tiga anggota utama dalam Barisan Nasional — Umno, MCA, MIC mencapai kata sepakat menu-buhkan sebuah syarikat baru, Jasamoni Sdn Bhd (JSB) untuk mengendalikan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang mulai tahun depan.

Jasamoni merancang pembinaan sebuah pelabu-

han kontena sepenuh di Pulau Lumut dekat situ untuk mengambil alih keseluruhan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang.

Di samping itu, syarikat baru itu juga akan melaksanakan projek perumahan di kawasan seluas 700 ekar dalam Wilayah Persekutuan.

Projek perumahan ini dijangka akan menelan belanja lebih \$1,000 juta.

Pengerusi PFB, Tan Sri Ibrahim Mohamad memberitahu *Usahanaga*, mengikut persetujuan yang dicapai, Multi-Purpose Holdings Berhad (MPHB) dari MCA akan memiliki ekuiti 20 peratus, Maika Holdings Sdn Bhd dari

Oleh HAFIFI HAFIDZ

MIC 10 peratus, Permodalan Bersatu Bhd 40 peratus dan 30 peratus lagi ekuiti dikuasai oleh sekumpulan peniaga diketuai oleh Enik Ramlil Kusairi. JSB dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim sendiri, dengan anggota lembaga pengarah diwakili oleh Datuk Azman Hashim dan Datuk Tahir Rahim dari PFB, Enik Tan Koon Swan dan Senator Kee Yong Wee dari MPHB serta Tan Sri Selvarajah dari Maika.

Jasamoni didaftarkan dengan modal dibenarkan \$10 juta dan modal berbayar \$5 juta. Jumlah modal itu akan ditambah bila perlu.

Tan Sri Ibrahim memberitahu JSD sedang membuat segala persiapan untuk mengendalikan perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang.

Katanya, Jasamoni akan mengkaji satu keratan kerja sama ada sebuah pelabuhan kontena sepenuh sesuai dan perlu diwujudkan di negara ini.

Sekiranya didapati sesuai, pelabuhan itu akan ditina di Pulau Lumut dan keseluruhan perkhidmatan kontena akan diwastakan oleh kerajaan.

Tan Sri Ibrahim menegaskan adalah lebih baik bagi projek projek pengswastaan dijalankan oleh syarikat-syarikat pelaburan yang ditubuhkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional sebagai satu lagi usaha untuk perpaduan nasional.

Mengenal projek perumahannya, Tan Sri Ibrahim berkata JSD juga sedang berbincang dengan pihak-pihak berkenaan bagi mendapatkan tanah seluas 700 ekar di kawasan Ladang Bukit Jalil dan besar kemungkinannya akan diluluskan dalam beberapa minggu lagi.

Tambahnya, kawasan ini akan dibangunkan menjadi sebuah bandar dan 15,000 unit rumah semua peringkat kos akan ditina di sini.

"Adalah dianggarkan projek ini akan memerlukan \$1,000 juta dan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan awal tahun depan," jelas beliau.

Katanya, JSD bersetuju menjadikan projek ini sebagai projek suling kerana sering timbul masalah mendapat rumah-rumah bagi semua peringkat kaum di negara ini sekarang.